



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PERAK  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Kerajaan Negeri Perak dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 23.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Perak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pegawai Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri Perak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Perak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Perak;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Perak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Sijil ini disediakan selaras dengan Fasal(1) Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(YBHG DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
14 OGOS 2023


**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Perak.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2022.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2022.



**YB MOHD ZAKI BIN MAHYUDIN**  
Pegawai Kewangan Negeri Perak

19 April 2023



**MEGAT AMIRUL ZAINI JAMALULLAIL BIN MEGAT JAMALUDDIN**  
Bendahari Negeri Perak

19 April 2023

### Lampiran III

#### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN pada 31 Disember 2022

	<u>Nota</u>	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
<b>WANG AWAM</b>			
WANG TUNAI	3	405,990,455.40	415,358,653.81
PELABURAN	4	916,374,197.57	916,374,197.57
		<hr/> <b>1,322,364,652.97</b>	<hr/> <b>1,331,732,851.38</b>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	562,614,650.65	532,987,854.15
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	759,750,002.32	798,744,997.23
		<hr/> <b>1,322,364,652.97</b>	<hr/> <b>1,331,732,851.38</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**Lampiran IV**

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		<u>2022</u>	<u>2021</u>
	<u>Nota</u>	RM	RM
<b>TERIMAAN</b>			
<b>HASIL</b>	5		
Hasil Cukai		507,777,705.62	468,162,959.58
Hasil Bukan Cukai		381,383,211.02	318,623,272.86
Terimaan Bukan Hasil		<u>204,586,029.48</u>	<u>1,093,746,946.12</u>
<b>PINJAMAN</b>	6		
Dalam Negeri		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
<b>TERIMAAN MODAL</b>	4,7		
Jualan Instrumen Kewangan		0.00	0.00
Pelbagai Terimaan Modal		<u>37,294,812.58</u>	<u>37,294,812.58</u>
<b>TERIMAAN LAIN</b>	7		
Terimaan Amanah		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>		<u>1,131,041,758.70</u>	<u>1,077,304,668.41</u>
<b>BAYARAN</b>			
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>	5		
Emolumen		(395,127,234.26)	(341,043,099.11)
Perkhidmatan dan Bekalan		(266,789,385.17)	(218,709,209.56)
Aset		(7,291,451.04)	(6,213,502.43)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		(103,302,744.54)	(85,228,820.43)
Perbelanjaan Lain		<u>(6,909,334.61)</u>	<u>(779,420,149.62)</u>
<b>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>	7		
Langsung		<u>(267,329,683.17)</u>	<u>(267,329,683.17)</u>
<b>PERBELANJAAN MODAL</b>	4		
Pembelian Instrumen Kewangan		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
<b>BAYARAN BALIK PINJAMAN</b>	6		
Pinjaman Dalam Negeri		(5,200,000.00)	(5,200,000.00)
Pinjaman Kepada Agensi /		0.00	0.00
Pindahan Kepada Akaun Amanah		<u>0.00</u>	<u>(5,200,000.00)</u>
<b>BAYARAN LAIN</b>	7		
Bayaran Amanah		<u>(88,460,124.32)</u>	<u>(88,460,124.32)</u>
<b>JUMLAH BAYARAN</b>		<u>(1,140,409,957.11)</u>	<u>(1,005,125,575.11)</u>
<b>Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai</b>		<b>(9,368,198.41)</b>	<b>72,179,093.30</b>
<b>Wang Tunai Pada 31 Disember 2021</b>		<b>415,358,653.81</b>	<b>343,179,560.51</b>
<b>Wang Tunai Pada 31 Disember 2022</b>		<b><u>405,990,455.40</u></b>	<b><u>415,358,653.81</u></b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**Lampiran V**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		<u>2022</u>	<u>2021</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		RM	RM
<b>HASIL</b>	5	1,032,903,000.00	1,093,746,946.12
<b>Tolak:</b> Belanja Mengurus	5	803,000,000.00	784,620,149.62
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL</b>		<b>229,903,000.00</b>	<b>309,126,796.50</b>
<b>Tolak:</b> Belanja Pembangunan	7	289,260,700.00	267,329,683.17
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN</b>		<b>(59,357,700.00)</b>	<b>41,797,113.33</b>
<b>KURANGAN DIBIAYAI OLEH:</b>			
Pinjaman	6	0.00	0.00
Pelbagai Terimaan Modal	4,7	37,294,812.58	29,649,077.14
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3,4,7	(79,091,925.91)	(22,985,877.92)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>		<b>(41,797,113.33)</b>	<b>6,663,199.22</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

Lampiran VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM  
pada 31 Disember 2022

		<u>2022</u>	<u>2021</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
<b>MEMORANDUM ASET</b>			
Pinjaman Boleh Dituntut	8	186,235,057.76	185,053,304.19
Pelaburan	8	92,993,142.61	91,993,142.61
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>			
Hutang Awam	9	164,954,293.90	170,154,293.90

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022**

**DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**

**1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

- Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan Penyata Kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.
- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
  - b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
    - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
    - ii) Perkara LV11 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak memperuntukkan mengenai pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.
    - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
  - c) Kerajaan Negeri mengamal atas Perakaunan Tunai Ubahsuai. Semua urusniaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuai seperti berikut:
    - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
    - ii) Terimaan Wang Tunai yang belum dibankkan dan Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan Wang Tunai Dalam Perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
    - iii) Mengakaunkan urusniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukar Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
  - d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
  - e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
  - f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Aktauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
  - g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
  - h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)* - *Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

## 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan Wang Tunai yang belum dibankkan dan Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam buku tunai Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas.

Wang Tunai pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022 RM	2021 RM
Wang Tunai Dalam Bank	405,263,455.40	414,631,453.81
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00
Wang Tunai Dalam Tangan	727,000.00	727,200.00
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>405,990,455.40</b>	<b>415,358,653.81</b>

## 4. PELABURAN

Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat dari lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain dari pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan ianya dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022 Nilai Buku RM	2021 Nilai Buku RM
Saham	34,774,197.57	34,774,197.57
Deposit Dalam Negeri	881,600,000.00	881,600,000.00
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>916,374,197.57</b>	<b>916,374,197.57</b>

## 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan urusniaga terimaan Hasil dan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebihan dari Akaun Hasil Disatukan, RM279,500,000.00 telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal		2022		2021	
		Anggaran		Sebenar	
		RM	RM	% Anggaran	RM
	<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		<b>532,987,854.15</b>		<b>539,578,066.67</b>
	<b>HASIL</b>				
Hasil Cukai	607,695,087.00	507,777,705.62	83.56	468,162,959.58	92.30
Hasil Bukan Cukai	249,781,190.00	381,383,211.02	152.69	318,623,272.86	137.45
Terimaan Bukan Hasil	175,426,723.00	204,586,029.48	116.62	211,675,687.45	115.68
Jumlah Hasil	1,032,903,000.00	1,093,746,946.12	105.89	998,461,919.89	108.29
	<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>				
Emolumen	401,735,154.08	395,127,234.26	98.36	341,043,099.11	95.26
Perkhidmatan dan Bekalan	272,742,403.91	266,789,385.17	97.82	218,709,209.56	92.95
Aset	8,849,128.24	7,291,451.04	82.40	6,213,502.43	93.83
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	112,465,462.77	108,502,744.54	96.48	90,428,820.43	94.79
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	7,207,851.00	6,909,334.61	95.86	5,657,500.88	73.45
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	803,000,000.00	784,620,149.62	97.71	662,052,132.41	94.17
Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	279,518,000.00	279,500,000.00	99.99	343,000,000.00	85.41
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	1,082,518,000.00	1,064,120,149.62	98.30	1,005,052,132.41	90.98
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun	(49,615,000.00)	29,626,796.50		(6,590,212.52)	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>562,614,650.65</b>			<b>532,987,854.15</b>

### Nota:

(1) Anggaran dan Sebenar Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap tidak termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan.

## (a) Hasil

Format B/2

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil Disatukan kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022			2021		
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
			RM	RM	% Anggaran	RM
<b>HASIL CUKAI</b>						
Cukai Tanah	465,402,464.00	465,402,464.00	353,487,438.44	75.95	339,491,298.72	90.21
Cukai Parit dan Tali Air	903,523.00	903,523.00	531,939.55	58.87	516,586.45	57.17
Cukai Luar Hutan	21,237,000.00	21,237,000.00	14,715,101.71	69.29	12,698,863.95	101.59
Royalti	113,650,000.00	113,650,000.00	127,590,016.14	112.27	113,678,523.63	103.38
Levi Pindah Milik	1,052,100.00	1,052,100.00	1,340,462.00	127.41	846,810.00	80.65
Cukai Hiburan	5,450,000.00	5,450,000.00	10,112,747.78	185.56	930,876.83	17.08
<b>Jumlah Hasil Cukai</b>	<b>607,695,087.00</b>	<b>607,695,087.00</b>	<b>507,777,705.62</b>	<b>83.56</b>	<b>468,162,959.58</b>	<b>92.30</b>
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
Lesen, Bayaran						
Pendaftaran dan Permit	43,096,599.00	43,096,599.00	54,324,658.95	126.05	46,160,477.41	119.16
Perkhidmatan dan						
Bayaran Perkhidmatan	48,559,188.00	48,559,188.00	63,322,375.84	130.40	49,607,155.54	119.56
Perolehan daripada						
Jualan Barang-barang	109,524,050.00	109,524,050.00	200,541,290.42	183.10	165,383,338.82	165.00
Sewaan	4,230,154.00	4,230,154.00	5,561,711.28	131.48	4,314,225.65	57.64
Keuntungan Pembiayaan						
dan Perolehan Pelaburan	33,629,400.00	33,629,400.00	44,229,813.95	131.52	45,704,941.04	127.34
Denda, Rampasan dan						
Hukuman	10,641,799.00	10,641,799.00	12,980,460.58	121.98	7,353,134.35	93.42
Sumbangan	100,000.00	100,000.00	422,900.00	422.90	100,000.05	100.00
<b>Jumlah Hasil Bukan Cukai</b>	<b>249,781,190.00</b>	<b>249,781,190.00</b>	<b>381,383,211.02</b>	<b>152.69</b>	<b>318,623,272.86</b>	<b>137.45</b>
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
Pemberian Pelancongan						
Pulangan Balik	998,717.00	998,717.00	3,455.00	0.35	477,967.00	0.00
Perbelanjaan						
Terimaan daripada	194,070.00	194,070.00	11,414,933.51	5,881.86	18,261,223.49	7,090.44
Agensi Kerajaan						
yang Lain	143,208,545.00	143,208,545.00	151,572,220.29	105.84	145,561,564.98	97.22
Lain-Lain Terimaan						
atau Sumbangan	31,025,391.00	31,025,391.00	41,595,420.68	134.07	47,374,931.98	143.56
<b>Jumlah Terimaan</b>						
<b>Bukan Hasil</b>	<b>175,426,723.00</b>	<b>175,426,723.00</b>	<b>204,586,029.48</b>	<b>116.62</b>	<b>211,675,687.45</b>	<b>115.68</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>1,032,903,000.00</b>	<b>1,032,903,000.00</b>	<b>1,093,746,946.12</b>	<b>105.89</b>	<b>998,461,919.89</b>	<b>108.29</b>

**(b) Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlombagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlombagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2022			
	Anggaran Asal	Anggaran Dipinda	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM	
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>				
T. 01 Peruntukan Diraja Bagi DYMM Sultan	13,647,600.00	13,647,600.00	13,647,600.00	100.00
T. 02 Speaker	352,400.00	352,400.00	312,025.81	88.54
T. 03 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	383,700.00	383,700.00	237,126.36	61.80
T. 04 Pejabat Kewangan Negeri	5,200,000.00	5,200,000.00	5,200,000.00	100.00
T. 05 Pencen / Elaun dan Ganjaran	12,504,500.00	12,504,500.00	12,502,310.23	99.98
<b>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</b>	<b>32,088,200.00</b>	<b>32,088,200.00</b>	<b>31,899,062.40</b>	<b>99.41</b>
<b>PERBELANJAAN BEKALAN</b>				
B. 01 Dewan Negeri	22,880,700.00	22,880,700.00	21,423,341.62	93.63
B. 02 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	1,546,400.00	1,546,400.00	1,434,791.38	92.78
B. 03 Raja-Raja dan Orang Besar Jajahan	4,907,600.00	4,907,600.00	4,864,241.64	99.12
B. 04 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	69,650,200.00	69,650,200.00	68,845,293.98	98.84
B. 05 Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang	6,592,200.00	6,592,200.00	6,583,920.36	99.87
B. 06 Pejabat Daerah dan Tanah Manjung	8,899,100.00	8,899,100.00	8,895,965.45	99.96
B. 07 Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak	8,992,000.00	8,992,000.00	8,928,146.15	99.29
B. 08 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak	11,115,500.00	11,115,500.00	10,798,500.37	97.15
B. 09 Pejabat Daerah dan Tanah Kinta	15,705,500.00	15,705,500.00	15,701,816.89	99.98
B. 10 Pejabat Daerah dan Tanah Kerian	7,389,700.00	7,389,700.00	7,389,698.44	100.00
B. 11 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar	11,758,800.00	11,758,800.00	11,736,872.88	99.81
B. 12 Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama	12,664,300.00	12,664,300.00	12,658,568.97	99.95
B. 13 Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah	11,312,900.00	11,312,900.00	11,297,210.12	99.86
B. 14 Pejabat Daerah dan Tanah Kampar	5,851,900.00	5,851,900.00	5,671,062.52	96.91
B. 15 Pejabat Daerah dan Tanah Muallim	4,864,000.00	4,864,000.00	4,664,773.71	95.90
B. 16 Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk	4,321,600.00	4,321,600.00	4,295,481.52	99.40
B. 17 Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	18,097,400.00	18,097,400.00	18,047,673.96	99.73
B. 18 Jabatan Agama Islam Perak	81,927,000.00	81,927,000.00	81,663,301.83	99.68
B. 19 Jabatan Pendakwaan Syariah	2,024,900.00	2,024,900.00	2,024,899.33	100.00
B. 20 Jabatan Mufti	3,906,700.00	3,906,700.00	3,485,487.68	89.22
B. 21 Jabatan Kehakiman Syariah	12,615,900.00	12,615,900.00	12,606,691.88	99.93
B. 22 Pencen Siasah dan Saran Rahim	407,500.00	407,500.00	272,925.00	66.98
B. 23 Jabatan Pertanian	24,336,100.00	24,336,100.00	24,254,853.40	99.67

(disambung)

(sambungan)

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2022			
	Anggaran Asal	Anggaran Dipinda	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM	
<b>PERBELANJAAN BEKALAN (sambungan)</b>				
B. 24 Jabatan Pengairan dan Saliran	98,295,800.00	98,295,800.00	98,224,149.41	99.93
B. 25 Jabatan Perhutanan	41,400,400.00	41,400,400.00	39,402,678.08	95.17
B. 26 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	17,725,200.00	17,725,200.00	17,528,731.24	98.89
B. 27 Jabatan Kerja Raya	83,039,200.00	83,039,200.00	82,441,801.66	99.28
B. 28 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	6,455,000.00	6,455,000.00	6,454,999.43	100.00
B. 29 Jabatan Kebajikan Masyarakat	37,834,100.00	37,834,100.00	34,731,922.52	91.80
B. 30 Jabatan Mineral dan Geosains	694,700.00	694,700.00	694,696.47	100.00
B. 31 Pejabat Kewangan Negeri	7,079,800.00	7,079,800.00	7,066,168.52	99.81
B. 32 Pelbagai Perkhidmatan Am	124,619,600.00	124,619,600.00	116,630,320.81	93.59
B. 33 Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	281,518,100.00	281,518,100.00	281,500,100.00	99.99
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	<b>1,050,429,800.00</b>	<b>1,050,429,800.00</b>	<b>1,032,221,087.22</b>	<b>98.27</b>
<b>PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum caruman)</b>				
	<b>803,000,000.00</b>	<b>803,000,000.00</b>	<b>784,620,149.62</b>	<b>97.71</b>
<b>CARUMAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN</b>	<b>279,518,000.00</b>	<b>279,518,000.00</b>	<b>279,500,000.00</b>	<b>99.99</b>
<b>PERBELANJAAN MENGURUS (selepas caruman)</b>				
	<b>1,082,518,000.00</b>	<b>1,082,518,000.00</b>	<b>1,064,120,149.62</b>	<b>98.30</b>

Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

## 6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan.

Pinjaman terdiri daripada pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Terimaan ini dibayar kepada pelbagai agensi Kerajaan Negeri atas sifat pinjaman itu diperolehi.

Bayaran hutang negeri termasuk faedah tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T04 berjumlah RM5,200,000.00 seperti di Nota 5(b).

Di Penyata Prestasi Kewangan, Pinjaman Negeri berjumlah RM0.00 untuk tahun 2022 adalah terimaan bersih tahun semasa.

## 7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri dari Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan dibawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk maksud tertentu. Kumpulan wang ini terdiri dari urusniaga Akaun Penyelesaian dan juga Kumpulan Wang Pusingan yang mana pembayarannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pada 1.1.2022 (Debit) / Kredit	Debit	Kredit	Baki pada 31.12.2022 (Debit) / Kredit
	RM	RM	RM	RM
<b>KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN</b>				
Kumpulan Wang Pembangunan	(18,985,739.52)	267,329,683.17	316,794,812.58	30,479,389.89
Pejabat Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	347,180,547.67	6,681,837,456.69	6,547,873,788.00	213,216,878.98
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	328,194,808.15	6,949,167,139.86	6,864,668,600.58	243,696,268.87
<b>KUMPULAN WANG AMANAH AWAM</b>				
Kumpulan Wang Amanah Awam	298,472,263.55	230,572,116.17	260,096,275.35	327,996,422.73
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam	298,472,263.55	230,572,116.17	260,096,275.35	327,996,422.73
<b>AKAUN DEPOSIT</b>				
Deposit Am	118,845,458.87	42,024,779.77	58,885,349.82	135,706,028.92
Deposit Khusus	50,207,739.45	44,270,129.61	43,721,367.42	49,658,977.26
Deposit Pelarasan	1,154,123.51	18,522,322.95	18,167,664.28	799,464.84
Deposit Perumahan Awam		67,662.00	89,898.00	
Kos Rendah (PAKR)	1,870,603.70			1,892,839.70
Jumlah Akaun Deposit	172,077,925.53	104,884,894.33	120,864,279.52	188,057,310.72
<b>JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>	<b>798,744,997.23</b>	<b>7,284,624,150.36</b>	<b>7,245,629,155.45</b>	<b>759,750,002.32</b>

**(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Persekutuan, Ansuran Sewa Beli dan Jualan serta Pelbagai Terimaan. Bayaran kumpulan wang ini adalah Perbelanjaan Pembangunan secara Langsung atau Pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022 (Debit) / Kredit RM	2021 (Debit) / Kredit RM
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>	<b>(18,985,739.52)</b>	<b>(48,561,829.96)</b>
<b>TERIMAAN</b>		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	279,500,000.00	343,000,000.00
Penerimaan Sewa Beli Rumah-Rumah Awam	1,071,099.73	943,196.94
Jualan Perumahan Awam Kos Rendah	205,000.00	77,000.00
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II	8,639,997.00	0.00
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	21,077,000.00	27,330,900.00
Bayaran Balik Pengeluaran Hakmilik Rancangan Perumahan	6,665.30	4,320.00
Pelbagai Pendapatan	41,150.55	1,293,660.20
Pelaksanaan Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation (EFT)	6,253,900.00	0.00
<b>Jumlah Terimaan</b>	<b>316,794,812.58</b>	<b>372,649,077.14</b>
<b>BAYARAN</b>		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	267,329,683.17	343,072,986.70
<b>Jumlah Bayaran</b>	<b>267,329,683.17</b>	<b>343,072,986.70</b>
<b>Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun</b>	<b>49,465,129.41</b>	<b>29,576,090.44</b>
<b>BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER 2022</b>	<b>30,479,389.89</b>	<b>(18,985,739.52)</b>

Maklumat terperinci Perbelanjaan Pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022 (Debit) / Kredit RM	2021 (Debit) / Kredit RM
<b>AKAUN PERNIAGAAN</b>		
Akaun Peruntukan - Akaun Stor Tak Beruntuk Dan Worksyop	1,500,000.00	1,500,000.00
Akaun Urusniaga - Akaun Urusniaga Stor dan Workshop	0.00	0.00
<b>Jumlah Akaun Perniagaan</b>	<b>1,500,000.00</b>	<b>1,500,000.00</b>
<b>AKAUN PINJAMAN</b>		
Akaun Peruntukan - Pinjaman Kenderaan	4,500,000.00	4,500,000.00
Akaun Urusniaga - Pinjaman Kenderaan	(3,100,959.32)	(3,117,755.25)
Akaun Peruntukan - Pendahuluan Diri Pegawai Awam	500,000.00	500,000.00
Akaun Urusniaga - Pendahuluan Diri Pegawai Awam	(8,725.00)	0.00
Akaun Peruntukan - Pendahuluan Pelbagai	10,350,000.00	10,350,000.00
Akaun Peruntukan - Pinjaman Komputer	1,000,000.00	1,000,000.00
Akaun Urusniaga - Pinjaman Komputer	(289,372.09)	(448,234.65)
Akaun Peruntukan - Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Lain-Lain	107,168,567.06	107,168,567.06
Akaun Urusniaga - Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Lain-Lain	(84,053,126.34)	(84,431,699.25)
<b>Jumlah Akaun Pinjaman</b>	<b>36,066,384.31</b>	<b>35,520,877.91</b>
<b>KUMPULAN WANG LUAR JANGKA</b>		
Akaun Peruntukan - Kumpulan Wang Luar Jangka	11,000,000.00	11,000,000.00
<b>Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka</b>	<b>11,000,000.00</b>	<b>11,000,000.00</b>
<b>PELBAGAI KUMPULAN WANG</b>		
Akaun Peruntukan - Kumpulan Wang Pelaburan Negeri	92,500,000.00	91,500,000.00
Akaun Urusniaga - Kumpulan Wang Pelaburan Negeri	(92,493,142.61)	(91,493,142.61)
Akaun Peruntukan - Akaun Peruntukan Khas	157,802,351.13	279,368,144.86
Akaun Peruntukan - Kumpulan Wang Amanah Majlis Tindakan Ekonomi Negeri	90,000,000.00	90,000,000.00
Akaun Urusniaga - Kumpulan Wang Amanah Majlis Tindakan Ekonomi Negeri	(83,158,713.85)	(70,215,332.49)
<b>Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang</b>	<b>164,650,494.67</b>	<b>299,159,669.76</b>
<b>JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN</b>	<b>213,216,878.98</b>	<b>347,180,547.67</b>

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ianya terdiri dari Kumpulan Wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Di antara akaun amanah yang terdapat di bawah kumpulan wang ini adalah Kumpulan Wang Simpanan DiRaja yang ditubuhkan di bawah Enakman Civil List 1958. Baki Peruntukan di bawah peruntukan DiRaja T01 yang tidak habis dibelanja akan dipindahkan ke kumpulan wang ini. Baki dalam kumpulan wang ini juga boleh juga dikeluarkan bagi menampung peruntukan yang tidak mencukupi dalam Akaun Hasil Disatukan di bawah Perbelanjaan Mengurus T01.

Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022 (Debit) / Kredit RM	2021 (Debit) / Kredit RM
<b>WANG AMANAH</b>		
<b>Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan</b>		
Akaun Amanah Pembangunan Taska Permaisuri Negara	207,199.84	324,176.38
Akaun Amanah Elaun Ketua Kampung	582,192.89	582,192.89
Akaun Amanah Elaun Ketua Kampung Baru	551,276.82	501,276.82
Akaun Amanah Kompleks Sejarah Pasir Salak Kampung Gajah	678,949.55	627,721.55
Akaun Amanah Pengurusan Kumpulan Selendang Perak	246,201.68	504,322.25
Akaun Amanah Program Latihan Teknikal	323,336.90	2,270,793.39
Akaun Amanah Tabung Projek Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2020 Bagi Negeri Perak Darul Ridzuan	109,045.09	109,045.09
Akaun Amanah Program Pembangunan Modal Insan Negeri Perak	2,996,187.04	3,187,688.44
Latihan dan Kursus Anggota Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak	183,889.03	144,617.83
Akaun Amanah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) TNB JANAMANJUNG Sdn. Bhd.	0.00	1,696,083.00
Akaun Amanah Khas MPKK	2,059,702.01	2,113,704.75
Ujian Khas Memasuki Perkhidmatan Awam	63,821.65	101,326.15
Akaun Amanah Bayaran Wang Pampasan Pengambilan Tanah Untuk Pembinaan Jalan	0.00	78,859.95
Akaun Amanah Kajian	2,447,349.47	3,052,867.88
Akaun Amanah Sukan Malaysia (SUKMA)	4,302,699.60	4,957,731.95
Akaun Amanah Projek Pembangunan Semula Perkampungan Nelayan	27,416,720.43	30,115,549.78
Akaun Amanah Program Perlindungan Takaful Kerajaan Negeri Perak	735,860.00	1,105,360.00
Akaun Amanah Tanggungjawab Sosial Korporat Vale	144,584.45	144,584.45
Akaun Amanah Pampasan Kepada Pemilik Tanah Untuk Pembinaan Jalan Alternatif		
Ke Teluk Rubiah	283,371.94	283,371.94
Akaun Amanah Tabung Inovasi	142,124.92	278,124.92
Akaun Amanah Program Dan Projek Khas BKP, PSUK	35,529.60	0.00
<b>Jumlah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan</b>	<b>43,510,042.91</b>	<b>52,179,399.41</b>

(disambung)

(sambungan)

Perihal	2022 (Debit) / Kredit RM	2021 (Debit) / Kredit RM
<b>Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan</b>		
Akaun Amanah Pengurusan iSPEKS	664,420.48	665,620.48
Akaun Amanah Tabung Bencana Negeri Perak	17,008,422.20	3,015,775.52
Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan	49,105,023.80	42,936,657.41
Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Negeri Perak	32,716,468.29	49,691,465.81
Akaun Amanah Tabung Patriotik	450,020.00	450,000.00
Akaun Amanah Ladang Masyarakat Kledang Mas	11,385,000.00	10,000,000.00
<b>Jumlah Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan</b>	<b>111,329,354.77</b>	<b>106,759,519.22</b>
<b>Pejabat Pengarah Tanah dan Galian</b>		
Akaun Amanah Kumpulan Wang Pemulihan Bersama	6,413,479.75	4,653,479.75
<b>Jumlah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian</b>	<b>6,413,479.75</b>	<b>4,653,479.75</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Kinta</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	13,707.65	8,727.95
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Kinta</b>	<b>13,707.65</b>	<b>8,727.95</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	567,324.85	1,624,854.86
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama</b>	<b>567,324.85</b>	<b>1,624,854.86</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	9,000.00	67,200.00
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk</b>	<b>9,000.00</b>	<b>67,200.00</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah</b>		
Akaun Amanah Program Rimbunan Kaseh	35,758.90	276,809.40
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	207,532.86	321,509.66
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah</b>	<b>243,291.76</b>	<b>598,319.06</b>
<b>Jabatan Pengairan dan Saliran</b>		
Akaun Amanah Sumbangan Saliran, Kerja Kecemasan dan Luar Jangka	3,407,535.12	1,886,219.25
<b>Jumlah Jabatan Pengairan dan Saliran</b>	<b>3,407,535.12</b>	<b>1,886,219.25</b>
<b>Perbadanan Taman Negeri Perak</b>		
Akaun Amanah Sumbangan Yayasan Sime Darby	379,342.49	144,211.99
Akaun Amanah Program Royal Belum State Park To Unesco World Heritage	461,615.01	1,060,888.58
<b>Jumlah Perbadanan Taman Negeri Perak</b>	<b>840,957.50</b>	<b>1,205,100.57</b>

(disambung)

Perihal	2022 (Debit) / Kredit RM	2021 (Debit) / Kredit RM
<b>Jabatan Agama Islam</b>		
Akaun Amanah Pembiayaan Pendahuluan Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga Perak	112,403.96	110,203.96
Akaun Amanah KAFA	984,062.19	85,920.59
<b>Jumlah Jabatan Agama Islam</b>	<b>1,096,466.15</b>	<b>196,124.55</b>
<b>Jabatan Kerja Raya</b>		
Akaun Amanah Sumbangan Pembinaan Projek	1,331,429.90	646,771.19
<b>Jumlah Jabatan Kerja Raya</b>	<b>1,331,429.90</b>	<b>646,771.19</b>
<b>Jabatan Perancangan Bandar dan Desa</b>		
Akaun Amanah Caj Pemajuan JPBD Negeri Perak	223,194.00	192,464.00
<b>Jumlah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa</b>	<b>223,194.00</b>	<b>192,464.00</b>
<b>Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak</b>		
Akaun Amanah Hartanah Bumiputra Negeri Perak	87,093,494.67	71,933,397.34
Akaun Amanah Program Perumahan Negeri Perak	27,237,124.99	21,750,511.71
Akaun Amanah Program Perumahan Nelayan Pulau Pangkor	587,347.43	434,861.43
<b>Jumlah Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak</b>	<b>114,917,967.09</b>	<b>94,118,770.48</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	7,703.38	237,317.00
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak</b>	<b>7,703.38</b>	<b>237,317.00</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Manjung</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	5,000.00	31,110.00
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Manjung</b>	<b>5,000.00</b>	<b>31,110.00</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	460,016.33	470,016.33
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak</b>	<b>460,016.33</b>	<b>470,016.33</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Muallim</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	3,665.40	213,500.00
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Muallim</b>	<b>3,665.40</b>	<b>213,500.00</b> (disambung)

(sambungan)

	2022 (Debit) / Kredit RM	2021 (Debit) / Kredit RM
<b>Perihal</b>		
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Kampar</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	3,387.26	0 00
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Kampar</b>	<b>3,387.26</b>	<b>0.00</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Kerian</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	500,250.10	0 00
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Kerian</b>	<b>500,250.10</b>	<b>0.00</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	152,530.00	0 00
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang</b>	<b>152,530.00</b>	<b>0.00</b>
<b>Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar</b>		
Akaun Amanah Program dan Projek Khas Daerah	65,000.00	0 00
<b>Jumlah Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar</b>	<b>65,000.00</b>	<b>0.00</b>
<b>Jumlah Wang Amanah</b>	<b>285,101,303.92</b>	<b>265,088,893.62</b> (disambung)

Perihal	2022 (Debit) / Kredit RM	2021 (Debit) / Kredit RM
<b>AMANAH KHAS</b>		
Pejabat DYMM Sultan Perak		
Kumpulan Wang Simpanan DiRaja	3,530,105.29	3,529,755.66
Jumlah Pejabat DYMM Sultan Perak	3,530,105.29	3,529,755.66
Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan		
Kumpulan Wang Pemberian Bagi Pelajaran Tinggi Kepada Murid-Murid Islam	3,090,123.50	1,892,417.75
Kumpulan Wang Biasiswa Kebangsaan Bukan Melayu	4,236,159.30	2,901,684.21
Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu	13,118,507.90	8,659,169.49
Jumlah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	20,444,790.70	13,453,271.45
Jabatan Perhutanan		
Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	17,280,044.08	15,130,153.50
Jumlah Jabatan Perhutanan	17,280,044.08	15,130,153.50
Perbadanan Taman Negeri Perak		
Kumpulan Wang Taman Negeri Perak	1,640,178.74	1,270,189.32
Jumlah Perbadanan Taman Negeri Perak	1,640,178.74	1,270,189.32
Jumlah Amanah Khas	42,895,118.81	33,383,369.93
<b>JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM</b>	<b>327,996,422.73</b>	<b>298,472,263.55</b>

**(c) Akaun Deposit**

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am yang diterima khusus oleh Kerajaan Negeri. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai.

Akaun Deposit yang matan bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022 (Debit) / Kredit RM	2021 (Debit) / Kredit RM
<b>DEPOSIT AM</b>		
Deposit Am Jabatan Negeri	111,388,088.81	98,316,415.10
Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	23,660,446.36	19,858,527.02
Deposit Cukai Hiburan	611,933.75	493,668.75
Deposit Sewa Rumah Kos Rendah	19,716.00	19,716.00
Deposit Tender	12,000.00	12,000.00
Deposit Cagaran	0.00	45,000.00
Deposit Cagaran Kantin	8,140.00	95,028.00
Akaun Deposit Sewa Rumah Kerajaan	5,704.00	5,104.00
<b>JUMLAH AKAUN DEPOSIT AM</b>	<b>135,706,028.92</b>	<b>118,845,458.87</b>
<b>DEPOSIT KHUSUS</b>		
Deposit Urusan Tanah Kerajaan	49,113,255.26	49,512,283.95
Akaun Deposit Bon Jamin Mahkamah Syariah	379,300.00	395,450.00
Akaun Deposit Tuggakan Cukai Tanah	29,219.00	189,329.50
Akaun Deposit Kes-Kes Rayuan Mahkamah Syariah	57,703.00	52,676.00
Deposit Lesen	79,500.00	58,000.00
<b>JUMLAH AKAUN DEPOSIT KHUSUS</b>	<b>49,658,977.26</b>	<b>50,207,739.45</b>
<b>DEPOSIT PELARASAN</b>		
Deposit Pelarasan Cek Terbatal	112,810.69	206,384.89
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	686,654.15	947,738.62
<b>JUMLAH AKAUN DEPOSIT PELARASAN</b>	<b>799,464.84</b>	<b>1,154,123.51</b>
<b>DEPOSIT PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH</b>		
RPA GOPENG III	0.00	318.00
RPA BEMBAN II, KINTA	9,879.00	9,879.00
RPA LASAH, SG. SIPUT (U)	681.00	2,421.00
RUMAH PANGSA JLN. ASHBY, IPOH	262,220.00	261,755.00
RPA SIMPANG PULAI II	3,723.00	3,723.00
RPA BAGAN DATOH	1,641.00	2,058.00

(disambung)

(sambungan)

Perihal	2022 (Debit) / Kredit RM	2021 (Debit) / Kredit RM
RPA KG. GAJAH	2,004.00	2,004.00
RPA HUTAN MELINTANG	4,710.00	4,986.00
RPA SIPUTEH	10,230.00	10,230.00
RPA SALAK II	324.00	324.00
RPA MANONG III	618.00	618.00
RPA CHENDERONG BALAI II	318.00	318.00
RPA BT. KURAU II	18,756.00	19,476.00
RPA BAGAN DATOH II HILIR PERAK	20,400.00	21,135.00
RPA REDANG PANJANG SELAMA	1,080.00	1,080.00
RPA HUTAN MELINTANG II	16,737.00	17,445.00
RPA GELUNG PEPUYU PERAK TENGAH	39,762.00	40,185.00
RPA SG. DULANG HILIR PERAK	38,970.00	44,214.00
RPA SIPUTEH II	23,454.00	23,454.00
RPA BIDOR111 BATANG PADANG	22,650.00	22,650.00
RPA CHENDERIANG II BTG. PADANG	4,326.00	4,326.00
RPA JLN GULA SELINSING	6,189.00	6,189.00
RPA PARIT BUNTAR 1111	36,072.00	36,798.00
RPA GUA BADAK LENGGONG	4,428.00	4,428.00
RPA MALIM NAWAR II	708.00	708.00
RPA AIR KUNING II BTG. PADANG	13,356.00	13,356.00
RPA TG. RAMBUTAN II	3,066.00	3,066.00
RPA KG. MAAMOR PK TENGAH	13,167.80	13,167.80
RPA KG. GAJAH II	18,504.00	18,504.00
RPA SRI ISKANDAR	13,149.00	18,321.00
RPA KLIAN INTAN II, HULU PERAK	8,472.00	9,360.00
RPA SRI ISKANDAR II	14,016.00	21,735.00
SPKA PERUMAHAN KG. JONG GRIK	14,976.00	15,060.00
RPA GRIK III HULU PERAK	60,465.90	61,407.90
RUMAH PANGSA JLN. GHAZALI JAWI IPOH	210,330.00	210,630.00
PERUMAHAN SPKA PONDOK TANJONG	7,812.00	8,064.00
PERUMAHAN SPKA BALUN BIDAI KG. GAJAH	4,788.00	5,040.00
RPA JLN. BEMBAN II BATU GAJAH	53,124.00	53,124.00
RPA KOS RENDAH KG. GAJAH 111	29,673.00	30,615.00
RPA RUMAH PANGSA JLN. PASIR PUTEH	261,600.00	261,900.00
RPA KOS RENDAH RIMBA PANJANG SG.SIPUT (U)	64,527.00	68,937.00
RUMAH TERES KOS RENDAH BANDAR TASIK IDAMAN BT GAJAH	4,216.00	4,216.00
PERUMAHAN RAKYAT TAMAN DESA IDAMAN SUNGKAI	21,080.00	21,452.00
PROJEK PERUMAHAN RAKYAT PPR BUNTONG	40,500.00	39,600.00

(disambung)

(sambungan)

Perihal	2022 (Debit) / Kredit RM	2021 (Debit) / Kredit RM
DEPOSIT UNTUK TAMAN MESRA RAKYAT KAMPAR	17,484.00	18,228.00
PPR TAMAN SRI GEMILANG, TAPAH	31,950.00	33,150.00
PPR TAMAN DESA CEMPAKA, PENGKALAN HULU	25,650.00	24,150.00
PPR TMN TOH JABIT PARIT BUNTAR	75,600.00	75,000.00
PPR BIDOR, PERAK	55,350.00	56,250.00
DEPOSIT PELBAGAI RPA	8,016.00	8,517.00
PANGSAPURI SIMPANG PERDANA TAIPING	86,988.00	88,476.00
PPR, PANGSAPURI DAMAI, TELUK DALAM, PULAU PANGKOR	36,383.00	36,383.00
PPR, JALAN LAKSAMANA, TELUK INTAN	60,140.00	60,884.00
PPR, AMANJAYA PARIT HAJI WAHAB	11,856.00	11,856.00
PPR KAMUNTING LESTARI, TAIPING	96,720.00	39,432.00
<b>JUMLAH AKAUN DEPOSIT PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH</b>	<b>1,892,839.70</b>	<b>1,870,603.70</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>188,057,310.72</b>	<b>172,077,925.53</b>

## 8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan Negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

### (a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada agensi Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki Belum Selesai pada	
	2022 RM	2021 RM
Pinjaman Kepada Pihak Berkuasa Tempatan	45,805,281.49	43,226,071.41
Pinjaman Kepada Badan Berkanun	21,169,005.27	11,282,377.14
Pinjaman Pelbagai	18,856,959.16	31,684,865.13
Pinjaman Kepada Lembaga Air Perak	100,403,811.84	98,859,990.51
<b>JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT</b>	<b>186,235,057.76</b>	<b>185,053,304.19</b>

Maklumat terperinci Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2022.

**(b) Pelaburan**

Pelaburan yang dibuat melalui Kumpulan Wang Pelaburan Negeri merupakan ekuiti Kerajaan Negeri di dalam syarikat yang diapungkan di Bursa Malaysia dan melalui Pengurus Dana.

Pelaburan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	Nilai Buku	
	2022	2021
Syarikat	RM	RM
Pengurus Dana	1,693,142.61	1,693,142.61
Pelaburan Simpanan Tetap	75,000,000.00	75,000,000.00
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>16,300,000.00</b>	<b>15,300,000.00</b>
	<b>92,993,142.61</b>	<b>91,993,142.61</b>

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2022.

**9. MEMORANDUM LIABILITI**

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

**(a) Hutang Kerajaan Negeri**

Mulai tahun kewangan 2011, Hutang Awam diklasifikasi sebagai Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri selaras dengan Para 1.10. *Cash Basis* IPSAS. Akaun ini menunjukkan baki hutang yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri dan Badan-Badan Berkanun Negeri.

Baki hutang awam negeri yang belum selesai berjumlah RM164,954,293.90 pada 31 Disember 2022. Jumlah ini adalah baki pokok pinjaman belum matang pada 31 Disember 2022. Butiran lanjut dapat dirujuk di Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam.

Hutang Awam pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022		2021	
	RM	RM	RM	RM
<b>PINJAMAN</b>				
Rancangan Perumahan Awam		27,269,631.78		29,367,295.76
Projek Bekalan Air		137,684,662.12		140,786,998.14
<b>JUMLAH HUTANG KERAJAAN NEGERI</b>		<b>164,954,293.90</b>		<b>170,154,293.90</b>

**10. Akaun Belum Terima**

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2022 berjumlah RM162,497,518.15 berdasarkan rekod Jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan, walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas Perakaunan Tunai Ubahsuai.

